

# Siti Munirah

## bintang skuasy



## BIODATA

### SITI MUNIRAH JUSOH

Universiti: UMS

Umur: 24 tahun

Tarikh lahir: 25 Mei 1987

Tempat lahir: Terengganu

Pendidikan: Ijazah Sarjana Muda Komunikasi,  
UPM

Pencapaian: Olahragawati Terengganu 2008 dan  
2010

Pemain Skuasy Keempat Terbaik Kebangsaan  
Wakil skuasy negara ke Sukan SEA dan Sukan Asia



**Oleh Rahmawati Nurdin**

*bhvarsiti@bharian.com.my*

**D**IBESARKAN dalam keluarga yang gemar bersukan bagaikan suntikan awal kepada Siti Munirah Jusoh untuk bergiat aktif dalam sukan. Kecenderungan itu mendorongnya untuk menyertai apa saja acara sukan sejak di bangku sekolah sehingga bakatnya mula mendapat perhatian sekarang dipilih memasuki Sekolah Sukan Bukit Jalil.

Mendapat latihan dan didikan daripada jurulatih pakar, beliau mula melakar kejayaan dalam pertandingan skuasy disertainya sehingga melayakkannya membarisi pasukan skuasy kebangsaan.

Selama bergiat aktif dalam bidang sukan, khususnya skuasy, Siti Munirah mengakui yang dirinya semakin berani berhadapan dengan orang ramai, malah tidak lagi kekok bila bergaul dan bercakap dengan orang yang baru dikenalinya.

"Banyak pengalaman yang saya peroleh sepanjang pembabitan dalam sukan skuasy baik dari segi fizikal maupun mental. Jika dulu saya seorang yang agak pemalu, kini tidak lagi. Saya lebih berani bergaul dan bijak berkomunikasi dengan masyarakat dan semua itu bonus sebagai mahasiswa penyiaran yang memerlukan saya lebih peka, bijak berkomunikasi."

"Bagi saya, untuk berjaya dalam sesuatu bidang, kita perlu ada minat mendalam, ikhlas dengan apa yang kita lakukan selain tidak lupa pada Allah SWT, tidak mudah putus asa dan sentiasa muhasabah diri."

"Saya impikan muncul antara pemain skuasy terbaik dunia seperti Datuk Nicol David suatu masa nanti dan ia bukan sesuatu yang mustahil dicapai jika kita ada kesungguhan serta semangat untuk melakukan yang terbaik," katanya.

Beliau berkata, tiada insan lain yang lebih layak menjadi tunjang semangatnya untuk cemerlang dalam bidang yang diminatinya melainkan ibu bapanya yang selama ini memberi sokongan tanpa putus asa. Tatkala beliau jatuh dan tidak bersemangat lagi, ibu bapanyalah yang akan meniupkan aura semangat kepadanya.

Berkongsi pencapaiannya dalam sukan skuasy, beliau yang dinobatkan sebagai pemain skuasy keempat terbaik wanita kebangsaan itu pernah meraih Anugerah Olahragawati Negeri Terengganu pada 2008 dan 2010. Beliau turut mewakili negara pada kejohanan skuasy antarabangsa termasuk Sukan SEA dan Sukan Asia.

Kejayaan itu membuatkan Siti Munirah kini mampu tersenyum lebar kerana jerit perih berlatih setiap hari berbalas dengan anugerah dan pencapaian yang dimilikinya.

Selain skuasy, waktu lapang gadis manis itu turut dihabiskan dengan sukan yang semakin mendapat perhatian dalam kalangan wanita

hari ini iaitu sukan bermotor. Baginya, aktiviti itu bukan saja untuk lelaki, sebaliknya sesuai untuk wanita yang berminat menyertainya.

Jika ada kelapangan, beliau bersama rakan menghabiskan masa berdua tenaga di gelanggang sukan bermotor bagi menguji kemahiran pemanduan selain kawalan emosi dan ketahanan mental.

dan ketekunan mental.

"Tidak salah kita mencuba sesuatu yang baru dan saya sendiri tidak mengehadkan aktiviti kepada sukan semata-mata, sebaliknya aktiviti lain yang mampu memberi kesan positif kepada diri kita," katanya.

Bergelar atlet dan pada masa yang sama memikul tanggungjawab sebagai mahasiswa tidak membebankan Siti Munirah, malah beliau berusaha membahagikan masa sebaik mungkin demi memastikan kecemerlangan dicapai dalam kedua-dua bidang.

Katanya, sokongan rakan dan pensyarah yang banyak membantu memudahkan tugasannya cukup dihargai, malah memberi kekuatan kepadanya untuk bergelar atlet berpengetahuan.